KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	07/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PHD RAUB			

Lebih 600 pokok durian musang king dimusnahkan

Ditanam secara haram seluas empat hektar di dalam Hutan Simpan Teras

Oleh NORAWAZNI YUSOF

RAUB

FOTO: IHSAN PHD RAUB



Kerja menebang 600 pokok durian musang king yang ditanam secara haram dalam Hutan Simpan Teras dilakukan kakitangan PHD Raub.

Lebih 600 pokok durian klon jenis musang king yang ditanam secara haram di atas tanah seluas empat hektar dalam Hutan Simpan Teras, Raub telah dimusnahkan.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub, Shahril Mohamad berkata, kerja-kerja menebang pokok itu disertai 25 kakitangan dengan pengawasan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub.

Menurutnya, pencerobohan kawasan itu dipercayai dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab lebih dua tahun lalu.

"Kita berjaya mengesan kawasan berkenaan selepas melakukan rondaan serta semakan menggunakan Sistem e-Geoformatik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) pada 26 November lalu.

"Hasil siasatan mendapati kegiatan penerokaan kawasan berkenaan dilakukan oleh seorang lelaki yang menggunakan beberapa pekerja warga asing," katanya yang mengadakan operasi Teras selama lima hari bermula Isnin.

Beliau menjelaskan, sepanjang tahun ini PHD Raub telah melakukan lima operasi membanteras penerokaan hutan simpan secara haram membabitkan kawasan seluas kira-kira 142.7 hektar.

"Operasi Teras ini merupakan yang keenam dilakukan tahun ini dan tindakan sama akan dilakukan bagi memastikan kegiatan menceroboh hutan simpan secara haram tidak terus berulang," ujarnya.

Sehubungan itu, pihaknya akan mengadakan program menanam pokok balak di kawasan terbabit bermula Selasa.